❤PENANG

16 - 30 NOVEMBER, 2022

PENANG 2030

PERCUMA

# BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Mercu tanda perkembangan SYIAR ISLAM terus dipulihara

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL & ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR & ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang akan terus memelihara serta memulihara Masjid Kapitan Keling yang menjadi mercu tanda perkembangan Syiar Islam di negeri ini terutama dalam kawasan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

Dalam siri Jelajah ❤PENANG ke Parlimen Tanjong dan Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Padang Kota pada 10 Oktober lalu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa pentadbirannya mengambil maklum mengenai permohonan untuk membaik pulih struktur bumbung pada bangunan warisan berusia 221 tahun itu, serta akan mempertimbangkannya secepat mungkin.

"Memandangkan ada bahagian bumbung mengalami kerosakan sebagaimana disahkan oleh *George Town World Heritage Incoperated* (GTWHI) (iaitu) badan yang menentukan skop kerja dan kaedah menjalankan kerja-kerja (pemeliharaan dan pemuliharaan) serta sebut harga, kita akan membuat suatu keputusan yang cepat serta memaklumkan kepada masjid tentang peruntukan yang boleh disalurkan demi melaksanakan kerja-kerja yang mendesak ini," jelasnya selepas meninjau kerosakan bumbung bangunan Masjid Kapitan Keling di sini.

Di samping itu, beliau turut merakamkan penghargaan kepada komuniti umat Islam lokal kerana selama ini begitu cakna serta bertanggungjawab memelihara 'warisan ketara' di Masjid Kapitan Keling.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; ADUN Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen serta beberapa Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) turut sertai jerayawara tersebut.

Rombongan Kon Yeow sebelum itu turut meluangkan masa melawat kawasan kediaman berstrata di Flat Jalan Kedah dekat KADUN Padang Kota.

Bercakap kepada pemberita, beliau yang juga ADUN Padang Kota memberitahu bahawa Kerajaan Negeri sehingga kini telah membelanjakan lebih RM300 juta untuk kerja-kerja penyelenggaraan kawasan kediaman berstrata seperti membaiki lif, tangki air, penggantian wayar elektrik yang telah rosak dan sebagainya di seluruh Pulau Pinang.

Mengaku sebagai 'ADUN Flat Jalan Kedah', Kon Yeow dalam nada seloroh turut menjelaskan bahawa projek menaik taraf dua unit lif dengan kos lebih RM232,110.80 di sini dalam proses pelaksanaan dan dijangka siap pada bulan Mac tahun depan.

"Status projek dimaklumkan sedang dalam pelaksanaan, maka diharapkan penduduk dapat memainkan peranan yang baik dengan menjaga kepentingan serta memastikan kawasan diduduki berada dalam keadaan baik," ujarnya.

Pada hari sama juga, rombongan Kon Yeow turut mengadakan lawatan ke tapak projek pembaikan bumbung dan bangunan *Young Muslim Sports Club* (YMSC).

Beliau menyampaikan replika cek RM100,000 untuk tujuan kerja-kerja membaik pulih lantai, mengecat bangunan, menaik taraf tandas, pendawaian dan kerja-kerja perpaipan pada bangunan tersebut.




**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil berkaitan merakam gambar kenangan dengan berlatarbelakangkan Masjid Kapitan Keling bersempena Siri Jelajah ❤PENANG ke Parlimen Tanjong di sini baru-baru ini.**

# Pelan Hala Tuju Penuaan Aktif, ke arah Bandar Mesra Warga Tua

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SITI NURATIKAH RAHMAT**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang memulakan langkah awal dengan melancarkan Pelan Hala Tuju Penuaan Aktif sebagai garis panduan dalam menggalakkan rakyat negeri ini khasnya warga emas untuk melibatkan diri secara aktif serta menyumbang kepada pembangunan keluarga dan masyarakat.

Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng memberitahu bahawa berdasarkan unjuran data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, negara akan mencapai status 'negara tua' atau *'aged nation'* menjelang tahun 2030 apabila dijangka 15.3 peratus daripada populasi rakyat berusia 60 tahun dan ke atas.

"Negeri Pulau Pinang pada masa ini berada pada tangga kedua di belakang Perak sebagai 'negeri tua' (mempunyai jumlah populasi dalam kalangan warga emas yang ramai).

"Data sama menunjukkan pada tahun 2040, rakyat Pulau Pinang berusia 60 tahun dan ke atas akan meningkat kepada 26.2 peratus dan berada pada tangga teratas (sebagai negeri yang mempunyai jumlah warga emas yang ramai).

"Oleh yang demikian, sebagai persiapan awal menghadapi perubahan ini, Kerajaan Negeri telah menyediakan Pelan Hala Tuju Penuaan Aktif ini," ujarnya pada Majlis Pelancaran Hala




**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (bersongkok) bersama-sama Chong Eng (empat dari kanan) dan dif-dif jemputan menyempurnakan Majlis Pelancaran Hala Tuju Penuaan Aktif dan Jelajah Santuni Warga Emas sempena Sambutan Hari Warga Emas 2022 di sini baru-baru ini.**

Tuju Penuaan Aktif dan Jelajah Santuni Warga Emas sempena Sambutan Hari Warga Emas 2022 di sini 30 September 2022.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim; ADUN Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen; ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik dan Senator Fadhlina Sidek.

Mengulas lanjut, Chong Eng memaklumkan bahawa pelan hala tuju tersebut terbahagi kepada tiga fasa iaitu Fasa Kesedaran; Fasa Integrasi dan Fasa Kemampanan.

"Pelan hala tuju ini memerlukan penglibatan semua pihak termasuk badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan rakan strategik untuk sama-sama mempromosikan inisiatif penuaan aktif ini pada peringkat akar umbi.

"Pada masa sama, Kerajaan Negeri juga akan bekerjasama dengan *Malaysia Healthy Aging Society* (MHAS) untuk mendapatkan data bagi memahami jurang yang dihadapi oleh golongan ini.

"Pengintegrasian penuaan aktif dalam kalangan komuniti pula akan lebih menumpukan terhadap penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) atau pusat aktiviti demi manfaat warga emas selain menggalakkan penyertaan masyarakat secara sukarela untuk menyantuni warga emas dalam komuniti setempat.

"(Dan) fasa terakhir adalah menyediakan persekitaran mampan ke arah menjadikan Pulau Pinang sebagai Bandar Mesra Warga Tua sekali gus membolehkan pencapaian yang lebih terangkum," jelasnya sambil menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan inisiatif penuaan aktif berkenaan.

Sementara itu, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman menyatakan bahawa Pulau Pinang menjadi negeri pertama bersedia menghadapi 'negeri tua'.

"Saya yakin pelan hala tuju ini akan membuka ruang dan menyediakan peluang sewajarnya kepada setiap golongan tidak hanya warga tua untuk terus menjalani kehidupan yang aktif menjelang usia penuaan.

"Inisiatif ini juga selaras dengan Visi Penang2030 ke arah menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang mesra keluarga, oleh itu ambillah peluang terutama Pejabat-Pejabat ADUN, agensi kerajaan, swasta dan mereka yang terlibat membantu Kerajaan Negeri menguar-uarkan inisiatif ini,'' ulasnya.

Membawa tema Penuaan Aktif Untuk Semua, Pelan Hala Tuju Penuaan Aktif Negeri Pulau Pinang antara lain bertujuan membangunkan komuniti dan membentuk persekitaran mampan dengan menumpukan beberapa teras utama seperti kesihatan, penyertaan masyarakat dan keselamatan bagi meningkatkan kualiti hidup seiring dengan peningkatan usia individu.

## PBAPP rancang ubah fungsi Empangan Mengkuang kepada 'empangan harian'

**GEORGE TOWN –** Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) merancang untuk mengubah fungsi Empangan Mengkuang Diperbesarkan (EMD) daripada 'empangan rizab kemarau strategik' kepada 'empangan harian'.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Seri Ir. Jaseni Maidinsa berkata bahawa pendekatan tersebut bermakna air yang disimpan di EMD akan tersedia untuk pengeluaran harian atau semasa kecemasan apabila paras air Sungai Muda rendah ketika musim kemarau atau kualiti air terjejas dan tidak boleh dirawat.

Beliau berkata, dengan perubahan tersebut, EMD akan berfungsi sama seperti Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang di bahagian pulau.

"Objektif utamanya adalah untuk mengurangkan risiko gangguan bekalan air tidak berjadual di seluruh negeri apabila kekeruhan tinggi air mentah dari Sungai Muda yang mengancam operasi air terawat di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua.

"Objektif kedua pula adalah untuk merawat air dari EMD setiap hari bagi menyokong pertambahan permintaan air di kawasan Seberang Perai Utara (SPU) dan Seberang Perai Tengah (SPT)," katanya pada sidang media di sini 7 Oktober lalu.

Jaseni berkata, keadaan air dari Sungai Muda yang sangat keruh pada 22 Julai lalu akibat banjir kilat yang berlaku di Baling, Kedah telah memaksa PBAPP menghentikan tugas LRA Sungai Dua dan menyebabkan gangguan bekalan air berjadual di seluruh negeri selama enam hari.

"Bagi meminimumkan risiko berulang, PBAPP bercadang untuk menghentikan sementara pengabstrakan air mentah dari Sungai Muda apabila kejadian tersebut berulang pada masa hadapan.

"Walau bagaimanapun, LRA Sungai Dua mesti mempunyai akses berterusan kepada kira-kira 1,000 JLH air mentah dari Empangan Mengkuang bagi mengelakkan gangguan bekalan air di seluruh negeri," ulasnya.

Oleh itu katanya, PBAPP akan membangunkan kapasiti untuk melepaskan 1,000 juta liter sehari (JLH) dari Empangan Mengkuang pasda masa hadapan sekiranya kualiti air mentah Sungai Muda terjejas.

Menurut beliau, ketika ini kapasiti pelepasan maksimum PBAPP ialah 300 JLH dan dengan pengoperasian fasa 2B Projek Pembesaran Empangan Mengkuang (MDEP) oleh Kerajaan Persekutuan, kapasiti maksimum akan ditingkatkan kepada 600 JLH.

"Dengan pengoperasian satu lagi set saluran paip 400 JLH yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kapasiti pelepasan maksimum akan mencecah 1,000 JLH.

"Pemasangan saluran paip baharu ini harus disiapkan dengan pantas bagi menangani risiko air mentah Pulau Pinang yang berkaitan dengan Sungai Muda.

"Fasa 2C MDEP melibatkan pembinaan Rumah Pam Lahar Yooi juga harus segera dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk pengoperasian agar EMD dapat diisi semula dengan cepat ketika musim kemarau untuk berfungsi secara optimum sebagai empangan harian," katanya.

Selain itu, Jaseni menyatakan bahawa perancangan juga sedang dijalankan untuk membina LRA Empangan Mengkuang baharu di lokasi berdekatan EMD bagi menyelesaikan krisis air di Seberang Perai Selatan (SPS) yang dijadualkan beroperasi menjelang Disember 2025.

"Kawasan liputan LRA Empangan Mengkuang ialah SPU dan perbandaran Bukit Mertajam yang berdekatan dan apabila ia beroperasi, PBAPP juga dapat dan menyalurkan air terawat tambahan dari LRA Sungai Dua ke SPS.

"Selain itu, PBAPP juga merancang membina satu lagi LRA baharu 114 JLH berhampiran Sungai Kerian bagi menangani keperluan air masyarakat SPS yang dicadangkan dijadualkan untuk pengoperasian pada Disember 2026," katanya.

# Deepavali paling bermakna

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**



RUPA bentuk rumah yang dibangunkan.

KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bersama-sama para penduduk seusai Majlis Penyerahan Kunci Unit Rumah Taman Kalidonia Indah Fasa I di sini baru-baru ini.

**JAWI -** Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Ketua Menteri (CMI) membangunkan 272 unit Rumah Mampu Milik (RMM) Kategori A untuk memastikan penduduk sedia ada di Ladang Kalidonia dapat menikmati kehidupan yang lebih kondusif secara percuma.

Bukan setakat itu sahaja, Ketua Menteri , Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa Kerajaan Negeri turut memberi hak milik tanah seluas 15.108 ekar kepada CMI yang bernilai kira-kira RM15 juta bagi merealisasikan projek kediaman rakyat tersebut.

"Bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat terutamanya pihak kontraktor, Eco Horizon Sdn. Bhd. yang begitu komited dalam melunaskan tanggungjawab untuk membangunkan projek ini selaras dengan syarat pembangunan RMM yang perlu dipatuhi bagi projek sendiri di Batu Kawan," jelasnya dalam Majlis Penyerahan Kunci Unit Rumah Taman Kalidonia Indah Fasa I di sini pada 8 September 2022.

Difahamkan, Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi pada 24 Oktober 2020 menyempurnakan acara majlis pecah tanah projek tersebut yang bakal mengambil masa kira-kira dua tahun untuk disiapkan.

Pada 26 September lepas pula, majlis cabutan undi tawaran unit kediaman di taman berkenaan telah diadakan.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa penawaran unit rumah secara pajakan 60 tahun adalah secara percuma, sementara penduduk Ladang Kalidonia hanya perlu membayar RM50 sebulan sebagai kos pengurusan dan penyelenggaraan sebagai menikmati segala kemudahan yang disediakan di taman kediaman tersebut.

"Penerima tawaran unit rumah akan diberikan Dokumen Perjanjian Pajakan Rumah untuk dilengkapi dan disempurnakan oleh setiap penerima.

"Segala syarat penawaran pajakan akan dinyatakan dalam dokumen perjanjian tersebut untuk dipersetujui oleh penerima unit rumah," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Di samping itu, Kon Yeow berkata bahawa pihaknya berharap penduduk yang terlibat dapat memberikan kerjasama sebaik mungkin demi memastikan kerja-kerja pemajuan projek fasa 2 di kawasan kediaman tersebut dapat disiapkan sesegera mungkin.

"Pada masa sama, Kerajaan Negeri turut mengambil maklum bahawa terdapat beberapa keluarga yang masih menginap di Ladang Kalidonia secara sewaan, dan Kerajaan Negeri akan memastikan keluarga-keluarga yang layak tersebut ditawarkan unit rumah setelah Fasa 2 disempurnakan," ulasnya lanjut.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang berucap sebelum itu menyifatkan bahawa projek RMM Taman Kalidonia Indah Fasa I tersebut sebagai 'hadiah terbesar' buat rakyat terutama komuniti India di ladang berkenaan.

"Setelah lebih 30 tahun memperjuangkan untuk sebuah kehidupan yang lebih baik, hari ini sejarah baru dicipta.

"Inilah saat-saat yang dinantikan, dan saya percaya ia merupakan 'hadiah' paling bermakna kepada penduduk Ladang Kalidonia terutamanya menjelang sambutan Deepavali yang akan tiba tidak lama lagi," katanya yang juga ADUN Perai.

Dalam perkembangan lain, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo memberitahu bahawa setakat 7 Oktober 2022 menyaksikan jumlah pembekalan RMM dalam tahap pemajuan di Pulau Pinang adalah sebanyak 135,545 unit, yang mana telah melepasi akujanji manifesto Kerajaan Negeri semasa Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14).

"Angka ini telah melepasi akujanji kita dalam manifesto Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada PRU14 lalu iaitu menyasarkan untuk membina 76,000 pelbagai rumah mampu milik di negeri ini," jelasnya.

ADUN Jawi, Jason H'ng Mooi Lye; ADUN Bagan Dalam, M. Satees; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Azhar Arshad; Timbalan Pengurus Besar CMI, Datin S. Bharathi; Ketua Pegawai Eksekutif Eco World Group Berhad, Dato' Seri S. Sundarajoo dan Pengurus Besar Bahagian Pulau Pinang Eco World, Dato' Chan Soo How turut sertai majlis tersebut.

## Pesawah terima bantuan *'one-off'*

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengumumkan pemberian RM2,631,000 peruntukan atau RM500 bantuan bayaran sara hidup masing-masing kepada 5,262 pesawah di negeri Pulau Pinang.

Beliau yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi memberitahu bahawa bantuan *'one-off'* itu mengambil kira pelbagai halangan serta cabaran yang terpaksa dihadapi para pesawah negeri termasuk ketidaktentuan cuaca, peningkatan kos bahan input baja kimia dan agrokimia, kesan berantai pandemik COVID-19 serta terbaru peperangan antara Rusia dan Ukraine kini.

"Kerajaan Negeri berharap agar pemberian bantuan ini dapat meringankan beban dihadapi para pesawah padi, seterusnya memberi rangsangan (kepada pesawah) untuk terus mengekalkan Pulau Pinang dalam senarai teratas pengeluar padi di Malaysia," jelasnya dalam sidang media di sini pada 6 Oktober 2022.

Difahamkan, keluasan tanaman padi di negeri Pulau Pinang adalah seluas 12,105.59 hektar dengan hasil purata pengeluaran padi negeri pada tahun 2020 adalah sebanyak 4.831 tan metrik sehektar.

Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota memberitahu bahawa hasil purata pengeluaran padi negeri Pulau Pinang itu adalah melepasi purata kebangsaan sebanyak 4.039 tan metrik sehektar.

Bagi purata luar musim 2021 pula, beliau menyatakan bahawa Pulau Pinang mencatatkan sebanyak 5.595 tan metrik sehektar yang mana angka itu menunjukkan peningkatan hasil padi negeri adalah selari dengan hasrat Kerajaan Negeri.

"Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang tidak asing lagi dalam menyumbang kepada pengeluaran makanan asasi iaitu beras untuk negara kita.

"Pulau Pinang telah menunjukkan pencapaian ketiga tertinggi untuk tahun 2020 dan menyumbang kepada 61.44 peratus keperluan sara diri (SSL) di negeri Pulau Pinang," ujarnya lanjut.

Menjawab soalan pemberita selepas itu, Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin berkata bahawa proses transaksi bantuan kewangan *'one-off'* kepada para pesawah yang berdaftar di bawah Jabatan Pertanian Negeri akan dibuat secara dalam talian pada bulan Oktober 2022.

Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang, Zabidah Safar, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Dato' Mohd. Zakuan Zakaria; Pengarah Jabatan Pertanian Negeri, Mohd. Muhaimin Ibrahim; Setiausaha bagi Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), Zuhair Jamaludin dan Timbalan Setiausaha Bahagian (Makro Pembangunan) BPEN, Muhamad Husni Mahmud turut sertai sidang media tersebut.

# 3 projek naik taraf, inisiatif kreatif demi selesa rakyat

Gambar : **ALISSALA THIAN**




**KETUA Menteri beramah mesra dengan salah seorang peniaga di Kompleks Makanan Awam Padang Brown.**

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyerahkan sumbangan RM104,400 bagi menaik taraf Masjid Pintal Tali di sini.

Menurut Kon Yeow, kerja-kerja yang sudah dimulakan pada 1 September lalu dijangka siap 1 Disember 2022.

"Sebelum ini, kita telah terima permohonan terutamanya melibatkan kerja-kerja menaik taraf melibatkan bumbung di masjid ini.

"Bumbung sedia ada akan diganti dengan jenis tanah liat, selain itu penggantian pendawaian turut akan dijalankan.

"Difahamkan, kerja-kerja ini telah mencapai kemajuan 50 peratus terhadap Bangunan Warisan UNESCO Kategori 2 ini," ujarnya ketika melawat masjid berkaitan sempena Jelajah ❤PENANG Parlimen Tanjong di sini 10 Oktober lalu.

Hadir sama, Setiausaha Politik merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; ADUN Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang dan Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) setempat.

Sebelum itu, Kon Yeow bersama-sama delegasi turut meluangkan masa melawat projek naik taraf perhentian bas Chowrasta yang ditambah baik sebagai perpustakaan mini.

Beliau menyifatkan projek yang dilaksanakan oleh Penggerak Komuniti Muda (PeKA) bersama-sama MBPP itu sebagai langkah yang mengetengahkan kreativiti.

"Sebelum ini, sudah disediakan reka bentuk amat menarik tetapi PeKA telah mengambil inisiatif mengubah tempat menunggu bas kekal sebagai perhentian bas dan memasukkan idea baharu sebagai perpustakaan mini untuk membolehkan orang ramai menunggu bas atau singgah membaca buku.

"Ini merupakan satu usaha tambahan yang baik setelah sebelum ini beberapa pondok telefon lama di Lebuh Pantai yang telah diubah kepada fungsi sama," tambahnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi.

Jelajah ❤PENANG Parlimen Tanjong berakhir di Kompleks Makanan Awam Padang Brown yang akan dinaik taraf melibatkan bumbung tambahan *(awning)* baharu.

Projek bernilai RM350,000 itu dijangka dimulakan pada Februari 2023 dan siap pertengahan tahun sama.



**UMUM yang mengunjungi projek naik taraf perhentian bas Chowrasta yang ditambah baik sebagai perpustakaan mini.**




**ILUSTRASI grafik Kompleks Makanan Awam Padang Brown yang akan dinaik taraf melibatkan bumbung tambahan *(awning)* baharu.**

## Pintu gerbang tambah tarikan *Little India*

**GEORGE TOWN -** Projek pembinaan pintu gerbang *'Little India'* yang dijangka siap pada pertengahan bulan November ini akan menambahkan lagi daya tarikan pengunjung tempatan dan pengembara antarabangsa ke Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi memberitahu bahawa projek rejuvenasi tersebut melibatkan peruntukan Kerajaan Negeri berjumlah RM588,226.40 dan akan dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

"Projek pintu gerbang ini adalah (projek) yang patut dilaksanakan apabila *Little India* dinaik taraf melalui projek keindahan sebelum tahun 2008 lagi.

"(Ini bermaksud) projek pengindahan *Little India* ini telahpun dilaksanakan pada masa itu, tetapi projek pembinaan pintu gerbang pada masa itu masih belum dilaksanakan.

"(Sehubungan itu,) permohonan cadangan pembinaan pintu gerbang dibuat oleh Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kaum India Malaysia Pulau Pinang adalah bagi tujuan pengindahan kawasan serta mewujudkan mercu tanda di Lebuh Pasar," jelasnya semasa melawat tapak projek tersebut di sini pada 10 Oktober 2022.



**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil berkaitan merakam gambar kenangan pada struktur pintu gerbang yang bakal didirikan di *'Little India'*.**

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; ADUN Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen serta Datuk Bandar bagi Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang turut sertai jerayawara tersebut.

Sebelum itu, Kon Yeow dan barisan pemimpin Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang lain turut mengikuti taklimat ringkas daripada Setiausaha Bandaraya MBPP, Dato' Ir. A. Rajendran mengenai projek menaik taraf jalan di sepanjang Lebuh Pantai ke Lebuh Penang.

Mengulas lanjut, Kon Yeow berkata bahawa projek yang menelan belanja RM405,555 itu melibatkan kerja-kerja meninggikan aras jalan sebanyak 200 milimeter (mm), penarafan tembok parit sedia ada dan membina laluan pejalan kaki baharu dengan kemasan *'eurotiles'*.

"Kita tahu bahawa masalah banjir kilat berlaku khususnya di depan kedai 'rakan kita' di kawasan ini, yang pada ketika itu tidak dapat ditangani ekoran pembinaan tempat parkir kereta bertingkat oleh MBPP.

"Tetapi dengan ikhtiar daripada MBPP, maka suatu reka bentuk difikirkan iaitu menaikkan paras jalan, memperbesarkan longkang-longkang tepi (jalan), dan pada masa sama menutup longkang berkenaan untuk mewujudkan ruang pejalan kaki yang baharu," ujarnya yang juga ADUN Padang Kota sambil merakamkan penghargaan kepada MBPP kerana berjaya menyiapkan projek tersebut.

Sehubungan itu, beliau berharap projek penarafan jalan tersebut bakal membolehkan para pengunjung tempatan dan pengembara antarabangsa berjalan dengan lebih selamat dekat sekitar kawasan komersial di sini.

# Evolusi digital tingkat daya produktiviti penguatkuasaan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**



KETUA Menteri merakam gambar kenangan bersama-sama barisan kepimpinan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan seusai Majlis Sambutan Hari Penguat Kuasa Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di sini baru-baru ini.



PASUKAN Penguat Kuasa MBPP.

**PADANG KOTA -** Dalam mendepani cabaran normal baharu ekoran impak pandemik COVID-19 dan peralihan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0), gerak kerja warga penguat kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) juga perlu seiring dengan perkembangan teknologi terkini.

Justeru, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow percaya bahawa pengenalan rangkaian 5G baru-baru ini terutamanya di kawasan bandar raya dan juga penggunaan aplikasi pintar di Pulau Pinang adalah perlu dimanfaatkan sepenuhnya.

"Fasiliti dan kemudahan ini seharusnya telah memberikan nilai tambah cukup sempurna dalam menangani kepelbagaian kesulitan yang timbul sepanjang tempoh perkhidmatan, malah, saya juga yakin bahawa evolusi teknologi dari analog ke digital sedikit sebanyak telah meningkatkan daya produktiviti para anggota penguat kuasa.

"Sebagai contoh, dengan peningkatan kapasiti telekomunikasi melalui teknologi 5G, keupayaan dalam melaksanakan pemantauan penguatkuasaan melalui kamera litar tertutup (CCTV) juga telah dapat dipertingkatkan yang mana ia adalah lebih pantas berbanding dimensi tanpa wayar lain," ujarnya pada Majlis Sambutan Hari Penguat Kuasa Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di sini pagi 3 Oktober lalu.

Hadir sama, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang; Setiausaha Bandaraya MBPP, Dato' Ir. A. Rajendran; Ahli-ahli Majlis MBPP dan ketua-ketua jabatan PBT berkenaan.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa pujian harus diberikan untuk segala komitmen, kerja keras dan pengorbanan, bukan sahaja kepada warga kerja Jabatan Penguatkuasaan, tetapi juga keseluruhan institusi MBPP dalam mendepani cabaran tugas yang cukup mencabar, terutama dalam mengadaptasi kepentingan inovasi dengan keperluan semasa.

"Meskipun begitu, saya percaya masih ada ruang yang masih boleh diperbaiki sebagai penambahbaikan dalam sistem penyampaian sedia ada kepada rakyat.

"Jadi, saya mengambil peluang ini menyeru kepada seluruh warga kerja Jabatan Penguatkuasaan (MBPP) untuk memanfaatkan ruang yang diberikan dengan sentiasa mempersiapkan diri untuk kemajuan bersama iaitu selari dengan fungsi jabatan yang merupakan tunjang MBPP," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi.

Pada majlis tersebut, seramai 318 kakitangan Jabatan Penguatkuasaan MBPP turut memperagakan pakaian seragam baharu berwarna hijau tua berserta aset kelengkapan logistik seperti kenderaan tunda, Skuad Pantas, pacuan empat roda, motosikal Warden Trafik dan Unit Rondaan Berbasikal.

# Pusat Jagaan Suria simbol kejayaan PPP bantu golongan perlu

**BAYAN LEPAS -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus memperkasakan dasar perkongsian awam-swasta (PPP) berlandaskan Visi Penang2030 supaya lebih ramai lagi golongan kurang bernasib baik dapat menikmati kemudahan pendidikan secara saksama di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata demikian semasa berucap dalam majlis penyampaian replika cek sumbangan dan perasmian bilik komputer tajaan Jabil Pulau Pinang di Pusat Jagaan Suria dekat sini pada 15 Oktober 2022.

"Kita juga perlu melakukan lebih banyak lagi untuk membina masyarakat yang prihatin dan mengurangkan ketidaksamaan sedia ada.

"Lebih penting, kita perlu bekerjasama membantu mereka memerlukan termasuk golongan miskin, kurang bernasib baik dan mereka yang tercabar daripada segi akademik bagi memastikan tiada sesiapa yang ketinggalan dalam meraih manfaat Visi Penang2030.

"Oleh itu, Pusat Jagaan Suria adalah contoh perkongsian awam-swasta berjaya, yang menguatkan




**PARA pelajar istimewa Pusat Jagaan Suria menggunakan kemudahan di bilik komputer yang ditaja khas.**

fakta bahawa jika kita bersatu, kita boleh membuat semua perkara menjadi realiti termasuk sumbangan-sumbangan berkaitan," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi.

Tambah Kon Yeow, sejak tahun 2018 hingga 2021, seramai 154,269 pelajar sekolah rendah dan menengah telah menyertai kelas pengekodan percuma yang dianjurkan oleh *Penang Science Cluster* (PSC) dengan melibatkan pembiayaan Kerajaan Negeri sebanyak RM6 juta.

Itu, menurut beliau, tidak termasuk usaha bersama Kerajaan Negeri dan beberapa pihak swasta dalam mewujudkan empat buah Perpustakaan Digital Pulau Pinang iaitu dua berhampiran Penang Free School dan dua lagi masing-masing di Butterworth dan Batu Maung.

"Kita mahu para pelajar terlibat secara langsung dalam arus pendidikan teknologi dan menambah minat mereka dalam bidang teknologi serta pengetahuan digital," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Buletin Mutiara difahamkan, usaha mewujudkan bilik komputer di Pusat Jagaan Suria adalah tajaan Jabil Penang, manakala Greatech Technology Berhad menyampaikan sumbangan bernilai RM200,000 kepada Persatuan Kebajikan Kanak-Kanak Terencat Akal Pulau Pinang untuk menyokong pendidikan golongan orang kurang upaya (OKU) di sini.

Sebuah lagi firma swasta, *Bold Pack Industries* turut menyumbang dana untuk kos pembinaan lantai dan baik pulih makmal komputer sedia ada di sini.

Presiden Persatuan Kebajikan Kanak-Kanak Terencat Akal Pulau Pinang, Datuk Seri Wong Siew Hai; Pengarah Urusan Jabil Pulau Pinang, Tan Siew Jin; Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Pengarah Eksekutif Greatech Technology Berhad, Datuk Tan Eng Kee dan Pengarah Urusan Bold Pack Industries Sdn. Bhd., Jimmy Khor turut sertai majlis tersebut.

# Karnival Olimpik, Pulau Pinang terima dua pengiktirafan MBOR

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerima dua pengiktirafan *Malaysia Book of Records* (MBOR) susulan menjadi satu-satunya negeri yang mengambil inisiatif menganjurkan Karnival Olimpik pada tahun 2019 dan 2022.

Ketua Pegawai Eksekutif MBOR, Datuk Seri Dr. Micheal Tio memberitahu bahawa pengiktirafan tersebut diberikan dengan mengambil kira usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mempromosikan gaya hidup sihat melalui sukan.

"Atas kejayaan penganjuran ini, MBOR berbesar hati mengiktiraf Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai 'negeri pertama menganjurkan Karnival Olimpik Malaysia pada tahun 2019', dan 'negeri pertama menganjurkan Karnival Olimpik Malaysia dua kali berturut-turut pada tahun 2019 dan 2022'.

"Kami berharap agar pengiktirafan ini dapat menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia untuk mengamalkan gaya hidup sihat dengan lebih aktif," katanya pada sidang media pada majlis penyerahan sijil pengiktirafan MBOR kepada Kerajaan Negeri di sini 3 Oktober lalu.

Kedua-dua sijil pengiktirafan tersebut diserahkan oleh Micheal Tio kepada Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee sambil disaksikan oleh Kon Yeow dan Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tan Sri Mohamad Norza Zakaria.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; Lim Siew Khim (ADUN Sungai Pinang); Joseph Ng Soon Siang (ADUN Air Itam); A. Kumaresan (ADUN Batu Uban) serta Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Harry Chai Heng Hua.

Kon Yeow berkata bahawa pengiktirafan yang diterima oleh Kerajaan Negeri melalui MSNPP merupakan kejayaan manis buat Pulau Pinang selaras dengan visi untuk menyemarakkan lagi semangat kesukanan dalam kalangan masyarakat.

"Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada MOM atas kepercayaan dan keyakinan yang diberikan kepada Pulau Pinang sebagai tuan rumah bagi penganjuran ini.

"Sesungguhnya, pemilihan ini bukan sahaja merupakan salah satu bentuk pengiktirafan, sebaliknya ia juga memberikan pengalaman yang cukup berharga kepada negeri Pulau Pinang terutama dalam usaha melahirkan lebih ramai atlet dan bakat-bakat muda.



KETUA Menteri dan barisan dif kehormat meneliti sijil pengiktirafan MBOR yang diterima baru-baru ini.

"Semoga pengiktirafan ini dapat membina keyakinan dan mengekalkan momentum untuk mencipta lebih banyak kejayaan pada masa akan datang," katanya pada majlis tersebut.

Sementara itu, Mohamad Norza semasa mengesahkan kedua-dua pengiktirafan itu turut mengucapkan terima kasih kepada Lip Chee kerana mencetuskan idea penganjuran Karnival Olimpik secara besar-besaran di negeri ini.

"Dalam rekod kami, Karnival Olimpik Pulau Pinang 2019 yang mengandungi empat jenis sukan telah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan Negeri mulai 12 hingga 22 Jun.

"Kemuncak Karnival Olimpik pada tahun tersebut adalah Sambutan Hari Olimpik Sedunia pada 23 Jun 2019 dengan penganjuran *'Olympic Day Family Fun Walk'* yang disertai lebih 10,000 peserta termasuk Ketua Menteri sendiri.

"Pada tahun lepas, YB Soon Lip Chee sekali lagi mengemukakan cadangan Karnival Olimpik Komuniti Pulau Pinang 2022 dengan hasrat untuk mengembangkan lagi nilai-nilai sukan olimpik dan semangat kesukanan pada peringkat akar umbi.

"Berdasarkan rekod kami, Karnival Olimpik Komuniti Pulau Pinang 2022 mengandungi sembilan program keseluruhan yang dianjurkan mulai 15 Mei hingga 22 Jun 2022 membabitkan semua lima daerah di negeri Pulau Pinang.

"Sukacita diumumkan bahawa penganjuran Hari Olimpik oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun ini turut mendapat liputan meluas di seluruh dunia dan disiarkan dalam laman web beberapa badan sukan antarabangsa," katanya.

Tambah Mohamad Norza, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah banyak menyumbang ke arah pergerakan Olimpik Malaysia sejak tahun 1993, malah ia telah meletakkan pergerakan olimpik di tanda aras yang lebih tinggi.

"Justeru, saya berharap agar momentum pergerakan olimpik yang diterajui oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat diselaraskan dengan 'Visi Penang2030 – Meningkatkan Daya Huni Bagi Menambah Baik Kualiti Kehidupan' seluruh rakyat di negeri ini," ujarnya lanjut.

## Dua projek tebatan banjir bakal dilaksana di Machang Bubuk

**MACHANG BUBUK –** Sebanyak dua projek rancangan tebatan banjir (RTB) bakal dilaksanakan di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Machang Bubuk tahun depan bagi mengurangkan risiko banjir kilat.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon berkata bahawa dua projek berkenaan akan dilaksanakan dekat Taman Machang Bubuk dan Taman Sejahtera dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM4.9 juta.

"Difahamkan, salah satu projek yang dicadangkan adalah melibatkan kerja-kerja pembinaan kolam takungan air seluas 78 hektar bagi mengurangkan risiko banjir kilat.

"Projek ini bukan sahaja dapat mengurangkan risiko banjir di kawasan berkenaan, malah turut memberi manfaat kepada kawasan-kawasan di sekitarnya," katanya pada Majlis Perasmian Rumah Pam Taman Sukun yang disempurnakan oleh Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari di sini 2 Oktober lalu.

Mengulas mengenai kerja-kerja menaik taraf saliran di Taman Sukun yang telah siap, beliau menyifatkan bahawa projek berkenaan dilaksanakan tepat pada masanya dan akan membantu mengurangkan risiko banjir ekoran musim hujan tidak lama lagi.

"Walaupun parit sudah dinaik taraf, tetapi banjir masih boleh berlaku sekiranya hujan terlalu lebat kerana penempatan di sini merupakan kawasan perumahan lama, jadi sistem saliran mesti dijaga dengan baik.

"Oleh itu, penduduk diminta untuk bersama-sama menjaga kebersihan longkang bagi memastikan kemudahan asas ini dapat berfungsi dengan baik terutamanya semasa musim hujan," serunya.

Dalam pada itu, Zairil menyatakan bahawa projek pemasangan rumah pam Taman Sukun yang dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) menelan kos RM 485,000.

"Kerja-kerja yang terlibat adalah pemasangan satu skru pam berkapasiti 300 liter serta penaiktarafan parit dan memasang kekotak pembentung.

"Walaupun skru pam di Taman Sukun ini bukan seperti skru pam di projek RTB yang berkapasiti besar, tetapi ia dijangka dapat membantu dari segi pelepasan air ke parit 6 apabila hujan lebat.



ZAIRIL Khir Johari (berkemeja putih) bersama-sama Lee Khai Loon (berkemeja biru) ketika merasmikan rumah pam Taman Sukun di sini baru-baru ini.

"Selain itu, projek ini juga dapat membantu pelepasan air di jalan-jalan yang sering dinaiki air seperti di Jalan Sukun, Lorong Sukun 2, 3, 5, Lorong Amra 1 dan 3.

"Di samping itu, selepas Projek RTB Kolam Takungan Alma siap pada tahun depan, ia juga akan dapat membantu Taman Sukun dan kawasan-kawasan sekitar.

"Ini kerana Kolam Takungan Alma dapat menampung jumlah air yang banyak dan mengurangkan paras air di parit 6 sehingga ke suatu tahap mengikut intensiti hujan," katanya.

# Comet Group kembangkan fasiliti baharu di BKIP

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BUKIT TAMBUN** - Syarikat teknologi inovatif yang berpangkalan di Switzerland, *Comet Group* (Comet) bakal mengembangkan sayapnya ke Pulau Pinang dengan membangunkan fasiliti baharu di Persiaran Cassia Selatan 3 dekat Taman Perindustrian Batu Kawan (BKIP).

Ketua Pegawai Eksekutif Comet, Stephan Haferl berkata bahawa kerja-kerja pembangunan fasiliti baharu seluas 30,000 kaki persegi itu dijangka bermula tahun hadapan.

"Comet telah beroperasi di BKIP sejak Ogos 2020, dan pembangunan fasiliti baharu tersebut menandakan 'kehadiran' kami di Asia memandangkan kami mempunyai beberapa pelanggan Pengeluar Peralatan Asal (OEM) yang berperanan penting dalam operasi pembuatan di Asia.

"(Dan) bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat serta memanfaatkan peluang untuk berkembang pesat, Comet akan menyewa tambahan 30,000 kaki persegi di lokasi semasa di BKIP untuk menghasilkan komponen frekuensi tinggi.

"Keputusan ini dibuat kerana pemacu pertumbuhan jangka panjang bagi permintaan semikonduktor dan elektronik adalah kukuh walaupun terdapat ketidaktentuan semasa di seluruh dunia.

"Fasiliti baharu tersebut akan berfungsi sebagai pusat pembuatan dan perkhidmatan untuk komponen frekuensi tinggi, produk-produk utama yang digunakan untuk mengawal proses plasma bagi pembuatan cip mikro," ujarnya pada majlis perasmian Comet Technologies Malaysia di sini 22 September 2022.

Difahamkan, apabila siap kelak, Comet bakal mempunyai gabungan ruang seluas 60,000 kaki persegi dan dengan kira-kira 500 tenaga kerja.

Dalam pada itu, ketika menyampaikan ucapan perasmian, Ketua Menteri Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow menzahirkan penghargaan kepada Comet yang kekal memilih Pulau Pinang untuk membangunkan fasiliti baharu sekali gus mencerminkan keyakinan syarikat gergasi tersebut terhadap negeri ini.

"Pulau Pinang amat berbesar hati dan mengalu-alukan perkembangan pembangunan baharu ini.

"Percambahan pendigitalan yang mendorong permintaan tinggi dalam industri dan masyarakat, saya yakin bahawa Comet bersedia untuk menyerlahkan potensinya dalam dunia digital yang semakin berkembang pesat kini.

"Kami (Kerajaan Negeri) di Pulau Pinang berbesar hati menjadi lokasi pilihan Comet, sebagai pengiktirafan terhadap bakat berkemahiran, infrastruktur yang baik dan persekitaran berdaya tahan yang dimiliki oleh negeri ini," katanya.

Tambah Kon Yeow, dengan perkembangan terbaru yang diumumkan oleh Comet, Kerajaan Negeri menjangkakan ratusan peluang pekerjaan bernilai tinggi bakal tercipta pada tahun-tahun mendatang.

"Hal ini sekali gus akan menciptakan limpahan manfaat kepada komuniti lokal terutama peluang dan bakat dalam sektor pembuatan, kejuruteraan dan rantaian bekalan.

"Sempena meraikan ulang tahun ke-50 perindustrian Pulau Pinang tahun ini, *InvestPenang* dan agensi negeri berkaitan komited untuk memberikan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada para pelabur sambil berikrar untuk mengekalkan kemampanan sebagai salah satu keutamaan untuk menzahirkan potensi yang lebih besar bagi tempoh 50 tahun akan datang dan seterusnya," jelasnya.




**KETUA Menteri dan dif-dif kehormat Comet pada majlis perasmian fasiliti baharu di Persiaran Cassia Selatan 3, BKIP baru-baru ini.**

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Azhar Arshad; Ketua Pegawai Eksekutif InvestPenang, Dato' Loo Lee Lian; Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan Pelaburan) Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Lim Bee Vian dan Pengerusi Lembaga Pengarah Comet Group, Heinz Kundert antara yang turut hadir pada majlis berkaitan di sini.

## SIBS tambah pelaburan RM200 juta

Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**




**ABDUL Halim Hussain (dua dari kiri) bersama-sama dif-dif jemputan kehormat merakam gambar kenangan pada Majlis Perasmian Pembukaan SIBS Kedua di sini baru-baru ini.**

**BUKIT TAMBUN** – Pelaburan syarikat sistem binaan berindustri (IBS) berpangkalan di Sweden, Scandinavian IBS Sdn. Bhd. (SIBS) bernilai RM200 juta di Pulau Pinang mampu menjana pertumbuhan ekonomi negeri.

Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain berkata bahawa pelaburan itu telah membawa kepada pembukaan kemudahan pembuatan kedua SIBS berkeluasan 46,450 kaki persegi dekat Taman Sains Pulau Pinang, Simpang Ampat di sini.

"Projek ini semestinya membawa nilai pelaburan dari segi sosioekonomi, pekerjaan serta peluang kepada tenaga-tenaga mahir tempatan untuk meningkatkan pengetahuan melalui kemahiran.

"Selain itu, pelaburan berskala besar ini juga mampu membawa kepakaran kejuruteraan ke negeri ini di samping memperkasakan ekonomi setempat melalui pengukuhan rantaian pembekalan.

"Justeru, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada SIBS kerana terus memilih Pulau Pinang sebagai lokasi mengembangkan pelaburan selepas pembukaan kemudahan pembuatan pertama beberapa tahun sebelum ini," ujarnya pada Majlis Perasmian Pembukaan SIBS Kedua pada 29 September lalu.

Hadir sama, Duta Besar Sweden ke Malaysia, Dr. Joachim Bergstrom; Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Pengasas SIBS, Erik Thomaeus dan Pengarah Urusan SIBS Malaysia, Ong Song Ping.

Dalam pada itu, Thomaeus memberitahu bahawa SIBS kedua tersebut adalah bertujuan meningkatkan pengeluaran bahan pembinaan kerangka logam modular.

"Kemudahan pembuatan pertama telah mencapai kapasiti pengeluaran maksimum pada tahun 2019 dan pada tahun berikutnya, kami telah berbincang dengan Kerajaan Negeri untuk pembukaan kemudahan pembuatan kedua.

"Pembukaan kemudahan pembuatan kedua dijangka meningkatkan pengeluaran empat kali ganda berbanding pengeluaran sedia ada.

"Ini didorong oleh permintaan yang besar bagi pengeluaran dengan pelaburan bernilai RM500 juta dalam beberapa fasa bagi tempoh lima tahun akan datang," ulasnya.

Difahamkan, melalui pembukaan kemudahan pembuatan kedua tersebut, SIBS dijangka menyediakan 1,200 peluang pekerjaan kepada tenaga kerja tempatan.



KEPELBAGAIAN masakan yang dijual di Warung Pak Ndak Man dengan harga yang berpatutan.

# WARUNG PAK NDAK MAN

## *port* nasi campur sedap harga murah

**K**E mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi, begitulah ibaratnya pemilik Warung Pak Ndak Man, **AZMAN ISMAIL** yang mewarisi kebolehan memasak dan menguruskan perniagaan kedai makan nasi campur daripada ayahnya, Ismail Din.

Terletak di Kampung Belukar, Pokok Tampang, Tasek Gelugor, Warung Pak Ndak Man bukan asing lagi kepada warga Seberang Perai Utara (SPU), malah turut terkenal sehingga ke negeri jiran sebagai *port* nasi campur yang sedap serta murah.

Wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** bersama-sama jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** juga tidak mahu melepaskan peluang dan singgah ke Warung Pak Ndak Man untuk merasai keenakan masakan kampung yang menjadi buah mulut umum.

Kebetulan, pemiliknya Azman ada di warung dan sudi berkongsi cerita perjalanan Warung Pak Ndak Man berkaitan.

Sebelum membuka warung menjual nasi campur, beliau pernah bekerja di sebuah kilang dekat Kuala Lumpur dan menjadi kontraktor untuk Telekom Malaysia (TM) Berhad.




AZMAN Ismail.

"Walaupun saya kerja sebelum ini buat pendawaian dan lain-lain, tetapi kalau sebut bab meniaga (makanan) memang tak kekok sebab dari zaman sekolah lagi memang sudah didedahkan (dengan selok belok perniagaan)…lagipun saya memang minat.

"Habis sekolah saya sambung pengajian diploma dalam bidang komputer," ujarnya memulakan bicara.

Difahamkan, lokasi asal warung tersebut adalah di seberang jalan dekat Jalan Pokok Tampang.

"Lebih 20 tahun (di tapak asal) tetapi warung berada dalam tanah rizab, jadi saya dan ahli keluarga lain mengambil keputusan untuk pindah ke lokasi sekarang ini.

"Walaupun sedikit ke dalam tetapi ini tanah sendiri," katanya yang telah memulakan perniagaan nasi campur di lokasi baharu selama empat tahun.

### Terkenal dengan harga murah

Dalam kalangan pelanggan tetap, harga murah di Warung Pak Ndak Man ini memang sudah menjadi buah mulut ramai.

"Selain lauk-pauk kampung seperti gulai ayam kampung, itik, ikan seludu, asam pedas, cencaru belah belakang, siakap tiga rasa dan ikan bawal goreng, kami turut menghidangkan 50 jenis masakan kampung yang sering menjadi pilihan pengunjung.

"Memang tidak dinafikan harga murah yang digembar-gemburkan itu, walaupun harga barangan mentah naik mendadak, saya cuba kekalkan harga demi kepuasan pelanggan.

"Mujur kebanyakan sumber lauk-pauk ini saya dapatkan secara terus daripada pembekal, jadi harga dapat dikawal, berniaga ini bukan nak untung besar-besar pun sekadar untung biasa, cukup untuk keperluan saya sudah bersyukur," jelasnya yang juga merupakan usahawan produk di bawah Program Pembangunan Usahawan RISDA (Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah).

Ditanya anggaran ayam yang diperlukan dalam sehari bagi memenuhi kehendak pelanggan, Azman memberitahu bahawa beliau memerlukan antara 30 hingga 40 kilogram ayam sehari tidak termasuk lain-lain bahan yang dibeli secara pukal.

Bagaikan orang mengantuk disorongkan bantal, Azman turut menjamu kami dengan *'killer menu'* di kedainya iaitu bawal panas. Terkesima kerana harga satu set ikan bawal yang dihidangkan panas-panas bersama-sama nasi putih, kicap, kuah gulai dan ulam-ulaman dijual pada harga tidak sampai RM10 berbanding premis lain yang menjual set sama dengan saiz ikan yang serupa tetapi pada harga jauh lebih tinggi.

### Cabaran dan masa depan

Pastinya, lonjakan harga barangan yang dikatakan sehingga 30 peratus seperti minyak masak, ayam dan bahan mentah lain menjadi cabaran buat semua pemilik kedai makan.

"Tambahan pula, kebanyakan menu yang dihidangkan memang menggunakan minyak masak yang banyak… memang terkesan sangat.

"Selain itu, dari segi bekalan ayam mentah baru-baru ini seperti mana kita tahu menjadi isu juga, lebih-lebih lagi apabila dikatakan penyakit hawar juga melanda pada tahun lalu dan menjejaskan sumber (ayam mentah) walaupun kini kembali pulih," ulasnya yang turut terkejut serta kecewa dengan peningkatan harga barangan baru-baru ini.



**MASAKAN bawal panas bersama ulam-ulaman merupakan *'killer menu'* yang diminati para pelanggan.**

Menyentuh mengenai masa depan, Azman belum berhasrat menambah cawangan atau besarkan perniagaannya lagi.

"Saya lebih suka untuk memperkasakan kedai sedia ada dengan kakitangan seramai lapan orang.

"Cuma kalau boleh nak minta pemilik jalan hadapan kedai iaitu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), kalau boleh tolong, turaplah jalan depan kedai saya.

"Kalau cuaca panas, debu-debu masuk dalam kedai, orang tengok 'potong selera', batu-batu tar yang ada itupun inisiatif saya sendiri untuk mengurangkan kesan debu.

"Lagipun jalan depan warung ini semakin kerap dilalui khususnya oleh penduduk setempat," katanya menutup bicara.

# Koleksi seterika antik Thiyakarajan diiktiraf MBOR



KOLEKSI seterika miliknya.



P. Thiyakarajan menunjukkan sijil pengiktirafan MBOR yang diterima baru-baru ini.

Oeh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**MULA** berjinak dengan hobi mengumpul barangan antik sejak tahun 1970, **P. THIYAKARAJAN**, 53, yang berasal dari Sungai Siput, Perak menceritakan latar belakang koleksi pengumpulannya.

Thiyakarajan sememangnya berminat dalam mendalami sejarah, akan tetapi beliau menegaskan bahawa urusan jual beli barangan antik hanya dilakukan sekiranya kena pada harganya.

Difahamkan, seterika tradisional paling mahal pernah dibelinya adalah mencecah sehingga RM1,500 manakala yang lain kebiasaannya hanya dalam kadar RM500 dan melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM70,000.

Thiyakarajan mula mengumpul seterika tradisional secara tegar sekitar tahun 2022 dan menyatakan bahawa koleksi awalnya adalah bermula di Lorong Kulit.

"Umum mengetahui bahawa Lorong Kulit sememangnya mempunyai pelbagai jenis barangan lama yang dijual dan banyak juga yang menarik serta masih boleh digunakan.

"Akan tetapi, seterika tradisional menarik perhatian saya serta mencetuskan perasaan ingin tahu dan seterusnya mendorong saya menambah lebih banyak koleksi lagi," ujarnya yang memaklumkan bahawa bukan hanya seterika menjadi tumpuannya kini, malahan barangan antik lain juga.

Pada peringkat awal mengumpul barang-barang lama, Thiyakarajan menyatakan bahawa beliau cuma berniat ingin memahami sejarah sewaktu zaman dahulu.

"Setiap kali mengumpul sesuatu barangan antik, (saya) pasti (terfikir) terdapat cerita sejarah di sebalik koleksi (yang jarang ditemui itu).

"Antara barangan yang mempunyai nilai sentimental tersendiri ialah lampu minyak tanah yang diberikan ayah sewaktu dahulu.

"Jika ditanya yang mana satu barangan antik menjadi kegemaran, sudah tentu semua saya gemari, asalkan ia barangan lama sudah tentu saya minat," ulasnya sambil berkongsi bahawa lesung kayu antara yang menjadi koleksi berharga kini.

Apa yang menarik adalah Thiyakarajan bukan hanya seterika tradisional yang dikumpul, malah barangan antik lain seperti pedang, basikal tua, motosikal, lesung kayu, tempayan, periuk tembaga, periuk belanga, mesin penimbang atau pikul dan banyak lagi menjadi koleksi beliau.

Dalam sesi wawancara sama, Thiyakarajan turut berkongsi bahawa negara United Kingdom (UK) mempunyai sumber koleksi barangan antik yang banyak termasuk seterika sehingga rambang mata dibuatnya.

"Oleh itu, saya tidak melepaskan peluang keemasan menambahkan lagi koleksi seterika tradisional sedia ada kerana timbulnya minat untuk mengetahui setiap fungsi peralatan berkaitan dek lain cara penggunaannya pada masa dahulu.

"Sebagai contoh, seterika dahulunya menggunakan arang bagi menghasilkan haba panas, kemudiannya digosok terlebih dahulu ke atas daun pisang bagi mengawal suhu panasnya, setelah menepati suhu yang tepat, baju boleh mula digosok," jelasnya lanjut.

Penglibatan Thiyakarajan yang telah berjaya menempa nama dalam *Malaysia Book of Records* (MBOR) turut mendapat perhatian banyak pihak dek koleksi barangan antik miliknya.

"Saya tidak merancang untuk memecahkan MBOR, rakan baik saya, Prakash yang mengajak untuk membuat permohonan dan setiap proses boleh dikatakan mudah serta cepat.

"Kemudian, pada 17 September 2022, saya menerima pengiktirafan daripada MBOR," kongsinya.

Buletin Mutiara difahamkan, Thiyakarajan juga merupakan jurulatih karate sepenuh masa secara persendirian dan juga pengajar yoga di *Kedah Sports Club*.



SEBAHAGIAN koleksi barangan antik beliau.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtar@dappg.org | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 305 4962 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikuskadun@gmail.com | (T) 04 - 228 5298<br>016 - 691 2548<br>016 - 415 2548 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail | (T) 04 - 293 7545<br>(F) 04 - 293 7546 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| | |
| | |
| | |
| | |
| **PENANG CARE SOCIETY** | (Hotline)<br>(T) 04 - 291 0123<br>04 - 642 7777 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappenang@dapmalaysia.org | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) 013 - 430 6400<br>(P) 04 - 576 7606 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Nor Hafizah Othman | |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 548 4541<br>(F) 04 - 548 4541 |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| **N.40 TELUK BAHANG**<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>Aida Yusof Rawa<br>aidarawa54@yahoo.com | (T) 019 - 338 2668 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>Mohd. Taupek Abd. Rahman<br>hajifek@gmail.com | (T) 019 - 415 3850 |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>Muhammad Fitri Termizi<br>fitritermizi@amanah.org.my | (T) 011 - 3112 7702 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| PBA (PUSAT PANGGILAN 24 JAM) | 04-255 8255 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## INFO



## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBSP 2022

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBSP | 04 - 549 7555 |
| Ahmad Rizal Abd. Hamid | 019 - 464 6696 |
| Ahmad Tarmizi Jusoh | 012 - 487 7575 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390<br>04 -507 5390 |
| Chee Yeeh Keen | 019 - 455 7731 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397<br>04 - 399 6689 |
| Delakan a/l Ratha Krisnak | 012 - 584 4437 |
| Fahmi Zainol | 018 - 232 2502 |
| Galaimani a/l Subramnian | 012 - 534 1384 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Jeffery Koay Kai Chin | 013 - 521 2868 |
| Muhamad Suzuki Ahmad | 0111 - 1119 4419 |
| Ng Yee Siang | 010 - 562 2698 |
| Ngoh Cheng Hai | 017 - 979 0933 |
| Noor Azuawati Ahmad | 018 - 965 4559 |
| Norly Masitah Mohamed Noor | 013 - 582 2503 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Boon Sheng | 016 - 447 8320 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Choo Eng | 019 - 448 4344<br>04 - 323 2679 |
| Teh Chuann Yien | 010 - 441 7749 |
| Tharani a/p Kesavan | 017 - 450 2431 |
| Zainuddin Mohamed | 012 - 479 4200 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Yeap Choon Keong | Timur Laut | Penyelia Bahagian Kewarganegaraan | 013 - 449 0366 |
| 2. | K. Velan | Barat Daya | Pejabat Bahagian Kewarganegaraan Pulau Pinang, Tingkat 46, KOMTAR<br>04 - 650 5105 | 018 - 394 4537 |
| 3. | Lim Zheng Han | Seberang Perai Utara | | 011 - 1244 7167 |
| 4. | K. Nirmala | Seberang Perai Tengah | | 017 - 572 0272 |
| 5. | K. Viknesh Prabu | Seberang Perai Selatan | | 012 - 693 4786 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2022

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Abdul Latif Mohamad | 012 - 248 5016 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Alan Lim Wei Lun | 017 - 343 3995 |
| Dato' Dr. Shahul Hameed Syed Mohamed | 017 - 567 0885 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Haji Mohamed Yusoff Mohamed Noor | 019 - 413 8114 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Lee Chee How | 012 - 470 3389 |
| Lee Wei Seang | 012 - 452 8305 |
| Muhamad Khairul Mohd Ali | 012 - 542 0520 |
| Mohd Suhairi Arumugam Abdullah | 016 - 521 3369 |
| Nurhafiza Huda Idris | 017 - 450 5751 |
| Ooh Sin Hwa | 012 - 475 1669 |
| Quah Boon Lim | 017 - 462 2431 |
| Rodziah Abul Khassim | 019 - 319 4840 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Seng Keat | 012 - 438 6191 |
| Tan Soo Siang | 012 - 475 2453 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF
NUR ASHIKIN ISMAIL

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI
MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR
SITI NURATIKAH RAHMAT
SIEW CHIA EN

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NASRUL AMIR YAHAYA



Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:
**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com



**Layari**
www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 10165
Peminjam : NOOR SURIANA BINTI MOHD KHALDI - 86093035****
NO. 31 LORONG 3, TAMAN KERANJI, KULIM 09000 KEDAH
Penjamin 1 : SUHAIMI BIN AHMAD - 57072202****
38 LORONG KERANJI 3, TAMAN KERANJI, KULIM 09000 KEDAH
Penjamin 2 : AISHAH BINTI CHE DOO - 75051102****
877 PERSIARAN UTAMA 2/5, KULIM UTAMA, KULIM HI-TECH PARK 09000 KULIM, KEDAH

No Akaun : 10173
Peminjam : PUVENDRAN A/L KARPAYAH - 83050207****
2 LORONG IMPIAN RIA 11, TAMAN IMPIAN RIA 14000 ALMA, BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : PANNEER SELVAM A/L GANESEN - 71072507****
3-10 PANGSAPURI TELAGA EMAS, OFF JALAN TELAGA AIR 12200 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : WINSON A/L SAVASTIAN - 78092708****
1F-05-14 JALAN RU 1, DESA BAIDURI, FARLIM, AYER ITAM 11500 PULAU PINANG

No Akaun : 10175
Peminjam : NOOR BAKHTIAR BIN AHMAD - 82021007****
NO.141 JALAN 4, TELOK BAHANG 11050 PULAU PINANG
Penjamin 1 : NOOR AZIDAH BINTI AHMAD - 75040107****
141 LORONG NELAYAN 4 , TELUK BAHANG, BALIK PULAU 11050 PULAU PINANG
Penjamin 2 : NOORHANA BINTI AHMAD - 72012807****
7A-5-10 PALM COURT, SERI TANJUNG PINANG, TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG

No Akaun : 10179
Peminjam : YONG HUI MAN - 83060614****
NO. 16 CANGKAT KENARI 2, TAMAN DESARIA, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : ANG SEW CHING - 55022108****
2-5-7 LEBUH PADANG TEMBAK 11400 PULAU PINANG
Penjamin 2 : YONG LEE MAN - 80103014****
NO. 16 CHANGKAT KENARI 2, TAMAN DESARIA, SUNGAI ARA 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 10189
Peminjam : SIM LEE YING - 83100307****
109 LORONG IMPIAN 11, TAMAN RESIDENSI IMPIAN 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : SIM LEE WEI - 81020207****
3-14-06 LEBUH RELAU 6, MUKIM 13 BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TAN BEE HONG - 76032507****
72 JALAN IMPIAN INDAH 2, TAMAN IMPIAN INDAH, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10194
Peminjam : NOR HALIZA BINTI HALIB@YAHAYA - 83022707****
BLOK 4269 TGKT 3 NO. 11, RKAT 1RAMD, KEM PERDANA SUNGAI BESI 57000 KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : HELMI BIN HALIB - 70012507****
4-2-16 TAMAN SERI INDAH 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : USAMAH BIN SALIM - 71021907****
2B-13-16 MUTIARA IDAMAN 2, SOLOK TENGKU, JELUTONG 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 10203
Peminjam : RAGULAN A/L MURUGAYAH - 82062907****
NO. 2068 JALAN DUA 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : MURUKRISHAN A/L NANDAKUMAR - 79040902****
NO. 4 LORONG 1/1A, TAMAN MELOR, SUNGAI LAYAR, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH
Penjamin 2 : MURUGAYAH A/L PONNUSAMY - 58052907****
878 KAMPUNG KOVIL 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 10211
Peminjam : MIMA MELISA BINTI SHAHBAN - 81120371****
NO. 63 JALAN PAUH 1, TAMAN PAUH 13700 PERAI
Penjamin 1 : SAKINAH BT ABD WAHAB - 51050507****
63 JALAN PAUH 1, TAMAN PAUH 13700 PERAI
Penjamin 2 : ZURINAH BT ABD WAHAB - 63041607****
NO. 9 LORONG WIDURI 18, TAMAN WIDURI 14200 SUNGAI JAWI, SPS

No Akaun : 10213
Peminjam : SITI ASA BINTI MOHD NOR - 86022535****
20 LORONG MERAK 50, TAMAN MERAK JAYA 14100 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1 : ROHAYA BINTI MOHD NOR - 78052907****
NO.20 LORONG MERAK JAYA 50, TAMAN MERAK JAYA 14100 SIMPANG EMPAT, SPS
Penjamin 2 : MOHD FUAT BIN MD AMIN - 69052502****
NO.20 LORONG MERAK JAYA 50, TAMAN MERAK JAYA 14100 SIMPANG EMPAT, SPS

No Akaun : 10217
Peminjam : LEE KONG SANG - 83051607****
BLOK 627 YISHUN ST 61 #12-77, 91051628, SINGAPORE
Penjamin 1 : LEE LAY HWA - 72100607****
NO. 9 LALUAN PUSPA TIMUR 6, BANDAR BARU PUSPA 31550 PUSING, PERAK
Penjamin 2 : LEE LAY YIN - 74042307****
NO. 2 LORONG BIDARA 22, TAMAN BIDARA, MACHANG BUBOK 14020 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10219
Peminjam : YOGESWARI A/P VELAYATHAM - 86030535****
1D-05-06 DESA BAIDURI, JALAN RU 1, FARLIM 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 1 : SIVARAJOO A/L PALANIANDY - 62020202****
251 DEKAT JALAN BATU MAUNG, BATU MAUNG 11960 PULAU PINANG
Penjamin 2 : SARASVATHI A/P RAJAN - 81081607****
1B-12-09 DESA BAIDURI, JALAN RU 1, AIR ITAM 11500 PULAU PINANG

No Akaun : 10242
Peminjam : WAN MAHANI BINTI MAHADZAR@ MAHADZIR - 83083007****
AF-1-8 TAMAN TUN SARDON, GELUGOR 11700 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHD JASMIN BIN JAMALUDIN - 73070507****
NO. 30 PERSIARAN SEKSYEN 2/15, BANDAR PUTRA BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : NORSHUHAILA BINTI AHMAD ROPAI - 75040408****
32 LORONG SERI MENGKUANG 4, TMN SERI MENGKUANG, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10275
Peminjam : HARNANI BINTI MOHAMED - 81100307****
NO 45 JALAN BU 1/3 BANDAR UTAMA, PETALING JAYA 47800 SELANGOR
Penjamin 1 : HARYATI BINTI MOHAMED - 75053007****
B2-11-6 PANTAI HILLPARK, PHASE 5, JALAN PANTAI DALAM 59200 KUALA LUMPUR
Penjamin 2 : NATASYA BINTI MOHD SALLEH - 77062110****
21 JALAN TERATAI 1/5, TAMAN BUKIT TERATAI 56100 CHERAS, KUALA LUMPUR

No Akaun : 10283
Peminjam : NORSHAHIDA BINTI OTHMAN - 80031107****
NO.1281 MK 5 KAMPUNG PETANI, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : Lt Kol MOHD NOOR BIN HASNAANIN - 58042107****
NO. 4 JALAN MAWAR 2/4A, ZON MAWAR, AMBANGAN HEIGHT 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 2 : SITI AMINAH BT HASNAANIN - 78021107****
603 MK 5 KAMPUNG PETANI 14400 KUBANG SEMANG, BUKIT MERTAJAM




## Terma dan syarat

1. Penyertaan terbuka kepada mereka yang berusia 13 tahun dan ke atas.
2. Bebas menggunakan sebarang jenis bahan mewarna.
3. Saiz kertas lukisan adalah A3 (29.7 cm x 24 cm).
4. Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah tidak dibenarkan.
5. Lukisan dan idea adalah hasil ciptaan sendiri.
6. Setiap set penyertaan perlu bertemakan, "Penang tahun 2023 - ILUSTRASI ANDA" dan berserta dengan logo Penang2030 dan Buletin Mutiara.
7. Borang butiran maklumat peribadi peserta perlu ditampal di bahagian belakang karya.
8. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
9. Semua karya adalah hak milik penganjur.
10. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 04-650 5256.
11. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
    Buletin Mutiara,
    Pertandingan Melukis Poster - 3/2022,
    Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

**Tarikh peraduan: 1 Oktober 2022 – 31 Disember 2022**

Nama: ............................................

Kad Pengenalan: ............................................

Alamat: ............................................

............................................

No. Telefon : (Rumah) ............................................

(Bimbit) ............................................

Emel: ............................................

(Pastikan semua butiran diisi dengan lengkap.)



ABDUL Gaffar Muhamad Hussain atau lebih dikenali sebagai 'Mamu'.

# Legasi popia Mamu



PENYEDIAAN popia.

**PERNIAGAAN** turun-temurun popia yang dimulakan secara kecil-kecilan di rumah oleh bapa sejak 1960 kini terus diwarisi oleh Mamu atau nama sebenarnya **ABDUL GAFFAR MUHAMAD HUSSAIN**, 62.

Demi mempertahankan legasi ayah, Mamu berkata bahawa operasi perniagaan diteruskan di gerai-gerai pasar malam sekitar Pulau Pinang.

Butiran lanjut turut dikongsi bersama-sama wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** bersama-sama jurugambar **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** dalam sesi wawancara baru-baru ini.

Bangga sebagai anak jati Pulau Pinang, Mamu memberitahu bahawa perniagaan kuih popia kian dikenali ramai serta mendapat sambutan semasa beliau berniaga di Sekolah Kebangsaan (SK) Francis Light dan sekitar Lorong Swatow *(Swatow Lane).*

"Pada awalnya, ayah hanya berniaga di rumah dek ingin cuba mencari rezeki dengan memulakan perniagaan kuih popia.

"Lama-kelamaan, pelanggan semakin bertambah dan mendorong saya lebih bersemangat untuk memperbesarkan lagi perniagaan di luar termasuk dekat tapak penjaja Hospital Pulau Pinang dan Lorong Kulit," katanya yang turut menguruskan penyediaan kuih popia bersama-sama isteri sebelum ke tapak pasar malam.

Menarik dalam perniagaan popia ini, Mamu menyatakan bahawa para pekerjanya adalah terdiri daripada ahli keluarga sendiri termasuk ibunya, Beevi Fatuhma, 86, yang berasal dari India.

"Sehingga kini ibu saya menyediakan roti (sebagai lapisan kulit popia).

"Penyediaan bahan dan sebagainya dijalankan di rumah, saya akan memotong dan mengupas sengkuang manakala isteri pula di bahagian penyediaan kuah popia (manis dan pedas), kemudian di gerai pasar malam pula, saya dibantu oleh abang dan adik ipar.

"Walaupun ibu saya telah meningkat usia, tetapi dia masih bersemangat menyediakan roti setiap kali waktu berniaga tanpa rungutan, saya pula tidak mahu dia hanya duduk saja nanti mula sakit-sakit badan," selorohnya berkongsi cerita.

Antara menu yang tersedia ialah popia basah, popia goreng sayur, manakala istimewa pada bulan Ramadan, mereka menyediakan menu popia keju dan ayam keju.

Di samping itu, Mamu turut mengambil tempahan untuk sebarang majlis dan sering kali menerima tempahan semasa bulan Ramadan serta rumah terbuka semasa perayaan Aidilfitri.

"Waktu beroperasi bermula seawal 4 petang dan mula ditutup menjelang jam 9 malam, manakala pada hari yang tidak berniaga, kami sekeluarga hanya akan berehat di rumah.

"Para pelanggan yang ingin mencuba dan mengetahui lokasi gerai boleh mengunjungi pasar malam di Bukit Gedung pada setiap Isnin, pasar malam Nusantara (Selasa), pasar malam Taman Tun Sardon (Rabu), pasar malam Tanjung Tokong (Sabtu).

Tambah Mamu, tidak lengkap sesuatu perniagaan tanpa sebarang cabaran.

Justeru, beliau bersyukur kerana tidak terlalu banyak rintangan dihadapi, sebaliknya tetap konsisten berniaga hari demi hari.

"Cabaran yang dihadapi adalah dari segi kenaikan harga barangan, bahan utama seperti sengkuang sangat mahal pada masa kini dan sukar didapati, ditambah pula diumumkan harga barangan dinaikkan sebanyak dua kali pada tahun ini.

"Tidak dilupakan juga semasa pandemik COVID-19, saya hampir berputus asa untuk meneruskan perniagaan, akan tetapi dengan sokongan isteri serta ahli keluarga yang lain, alhamdulillah kami masih meneruskan sehingga kini," luahnya semasa ditemu bual baru-baru ini.

*(Sambungan di muka 15).*




MENJALANKAN perniagaan di lokasi-lokasi pasar malam sekitar Pulau Pinang.

**RALAT :**

Merujuk kepada artikel dalam Buletin Mutiara keluaran 16-31 Oktober 2022 bertajuk 'Projek tebatan banjir Jalan Van Praagh RM5.7 juta jangka siap 2014' di halaman 5. Tajuk yang betul ialah 'Projek tebatan banjir Jalan Van Praagh RM5.7 juta jangka siap 2024'.

Dalam kandungan teks pada perenggan dua iaitu 'tahun 2014 yang sebetulnya 'tahun 2024'.

Segala kesulitan adalah amat dikesali.

(*Sambungan dari muka 14*).

# Gaffor dikekalkan

Mengakhiri sesi wawancara, sudah tentu setiap peniaga mempunyai impiannya tersendiri untuk melebarkan sayap, Mamu berpendapat bahawa beliau ingin membuka kendara saji *(food truck)* pada masa hadapan jika diberi rezeki lebih.

"Saya berkeinginan untuk membuka kendara saji pada masa akan datang jika ada rezeki, sudah lebih berpuluh tahun perniagaan ini dijalankan menggunakan kereta tolak sejak zaman ayah.

"Di samping itu, saya dan isteri turut berbincang untuk berniaga menu lain pula seperti pasembur kelak, sudah tentu kami akan maklumkan sebarang pembaharuan," jelasnya lanjut.

Antara pencapaian terhebat bagi Mamu ialah dengan mencabar diri berniaga di *Penang Food Festival* serta menjamu tetamu yang juga artis terkemuka Malaysia, Datuk Seri Siti Nurhaliza semasa rumah terbuka Aidilfitri yang diadakan tujuh tahun lepas.



**BERSERTA sos istimewa.**



**POPIA yang telah siap digulung.**

## E-PEMBAYARAN: STRATEGI PERNIAGAAN BERKESAN

Oleh : **Rozilah Hamdan, AKPK**

**"Kak! Boleh bayar guna kad atau *online*, tak?"**
**"Alamak kak, saya kurang cash. Boleh bayar *online* ke?"**
**"Kalau tak boleh bayar *online*, saya *cancel* ya kak, sebab saya tak ada *cash*"**

Pernahkah anda mendengar luahan pelanggan seperti di atas? Pembayaran dalam talian merupakan kaedah pembayaran yang semakin diterima pakai oleh setiap pengguna pada masa kini.

Sistem e-pembayaran merupakan kaedah melakukan transaksi barangan dan perkhidmatan melalui sistem pembayaran elektronik atau sistem pembayaran dalam talian (Jurnal Ringgit, 2019). Kaedah ini bukan sahaja memudahkan pengguna, malah ia lebih selamat untuk digunakan dalam urusan jual beli. Kini, perniagaan yang tidak menggunakan saluran elektronik sebagai salah satu kaedah pembayaran dalam urusan jual beli akan dianggap ketinggalan dan berpotensi untuk kehilangan pelanggan. Oleh itu, peniaga perlu ambil tahu, ambil peduli dan faham mengenai keperluan dan faedah penggunaan saluran elektronik ini kerana ia amat penting demi kelestarian perniagaan mereka.

**5 Faedah E-Pembayaran dalam Perniagaan:**

**1. Transaksi Pembayaran Segera**

a) Semua urusan jual beli dapat dilaksanakan dengan lebih pantas berbanding dengan kaedah pembayaran konvensional.

Transaksi pembayaran boleh dilakukan di setiap kawasan/tempat bersama peranti yang mempunyai akses internet untuk menghubungkan anda dengan setiap platform e-pembayaran.

**2. Tidak Perlu Beratur Panjang**

Salah satu sebab utama pelanggan membatalkan niat mereka untuk membeli produk anda adalah apabila mereka perlu beratur panjang untuk membuat pembayaran. Maka, transaksi pembayaran dalam talian akan memudahkan pelanggan untuk membuat pembelian yang mudah, cepat, dan selesa tanpa perlu berebut-rebut.

**3. Proses Pembayaran yang Lebih Selamat**

a) Membawa wang tunai dalam jumlah yang banyak akan mendedahkan pelanggan kepada risiko kecurian. Pembayaran dengan menggunakan wang digital adalah lebih selamat berbanding dengan wang tunai kerana setiap transaksi e-pembayaran yang dilakukan memerlukan kata laluan keselamatan untuk melengkapkan proses pembelian.

Anda tidak perlu mendedahkan data peribadi anda kepada pihak ketiga. Transaksi e-pembayaran dilengkapi dengan pelbagai ciri keselamatan seperti Kod Pengaktifan Transaksi (TAC), Kata Laluan, dan sebagainya.

**4. Menggunakan Teknologi Terkini**

Sebagai seorang peniaga, mengikuti peralihan teknologi menjadi keutamaan dalam mengembangkan perniagaan. Secara purata, setiap individu di Malaysia membuat sebanyak 170 transaksi e-pembayaran dalam setahun pada tahun 2020 berbanding dengan 50 transaksi pada tahun 2019 (Jurnal Ringgit, 2019). Peningkatan ini menunjukkan bahawa rakyat Malaysia lebih suka menggunakan pembayaran dalam talian untuk membuat transaksi jual beli.

**5. Memudahkan Peniaga Membuat Kira-Kira**

Transaksi pembayaran dalam talian membolehkan maklumat pembelian dan harga jualan direkod secara automatik ke dalam sistem. Ini akan memudahkan peniaga untuk membuat kira-kira hasil jualan, untung rugi, dan juga menjejak aliran tunai perniagaan pada satu-satu masa.

Komen daripada **PENIAGA** yang telah menggunakan e-pembayaran dalam perniagaan:

- "Transaksi juga sangat efektif sebab bayaran memang boleh masuk terus ke dalam akaun saya apabila pengguna hanya mengimbas kod bar gerai saya," *(Sinar Harian, 2020)*
- "Ramai yang sudah jadikan kaedah ini sebagai cara untuk membuat bayaran," *(Sinar Harian, 2020)*
- "Mereka hanya perlu semak dan imbas kod produk menggunakan telefon masing-masing dan tidak perlu bawa wang tunai terlalu banyak," *(Sinar Harian, 2020)*

"Rasa selamat sikit kalau duit tidak banyak di kaunter kerana kita tidak tahu apa akan jadi, kawasan ini jika jam 9 malam ke atas sedikit sunyi, boleh jadi sasaran penjenayah," *(Berita Harian, 2020)*

Komen daripada **PELANGGAN** yang telah menggunakan e-pembayaran:

- "Saya suka kaedah ini sebab selalunya kalau nak guna kad kredit atau kad debit kita kena pergi pasar raya atau kedai makan yang besar-besar tetapi sekarang di gerai pun kita boleh gunakan kaedah pembayaran tanpa wang tunai," *(Sinar Harian, 2020)*
- "Bagi urusan beli barang atau makan, jika kedai itu terima kad debit atau e- wallet saya akan gunakan," *(Berita Harian, 2020)*
- "Sejak mula guna kad debit empat atau lima tahun lalu dan e-wallet kira-kira setahun lalu, dalam poket saya paling banyak ada antara RM50 hingga RM100 sahaja, itu pun untuk kecemasan." *(Berita Harian, 2020)*

Maka, penggunaan kaedah e-pembayaran sudah menjadi keutamaan bagi setiap perniagaan masa kini. Ia bukan hanya memudahkan pengguna, malah lebih selamat serta membantu mengembangkan perniagaan yang dimiliki. Untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya, anda perlu berani membuat perubahan, bersifat dinamik dan sentiasa mencari peluang serta ruang untuk meningkatkan prestasi perniagaan anda.

Bertindaklah sekarang agar perniagaan anda terus berdiri teguh dan berkembang maju. Usahawan yang ingin mengetahui dengan lebih lanjut tentang e-pembayaran, contoh aplikasi atau platform, kelebihan serta manfaat menggunakannya dalam perniagaan, boleh mengikuti modul 'Digitalisasi Perniagaan Melalui E-Pembayaran' di AKPK. Untuk membuat tempahan bagi mengikuti webinar ini, sila layari *https://obs.akpk.org.my/*

AKPK menyediakan perkhidmatan Pendidikan Kewangan yang boleh dimanfaatkan oleh semua individu isi rumah mahupun Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Perkhidmatan ini boleh diakses daripada laman web *power.akpk.org.my* yang menyediakan pelbagai modul pendidikan kewangan serta laman web *ask.akpk.org.my* untuk pelbagai bahan pembelajaran kewangan—semuanya tersedia secara dalam talian. Kami juga mengalu-alukan mana-mana organisasi yang berhasrat menjemput kami untuk memberikan taklimat pengurusan kewangan kepada kakitangan mereka.

Selain itu, AKPK juga memberikan khidmat nasihat kewangan kepada mereka yang menghadapi masalah dalam bayaran balik pinjaman serta menawarkan bantuan melalui Program Pengurusan Kredit (PPK) untuk individu, dan Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (SPPK) untuk PKS dan perusahaan mikro. Melalui program dan skim ini, AKPK membantu merangka pelan bayaran balik pinjaman yang sesuai dengan kemampuan semasa peminjam/pelanggan melalui rundingan dengan institusi kewangan yang terlibat.

Jika anda memerlukan pelan penyelesaian pengurusan kewangan yang holistik, dapatkan terus daripada **AKPK SECARA PERCUMA—TANPA EJEN**. Layari *services.akpk.org.my* untuk mengakses perkhidmatan AKPK dengan menghantar borang dalam talian yang telah dilengkapkan untuk dihubungi oleh penasihat kewangan AKPK.

Semua khidmat nasihat kewangan dan pengurusan kredit kami adalah percuma dan kami tidak pernah melantik ejen atau pihak ketiga untuk berurusan bagi pihak kami. Berhubunglah terus dengan AKPK dan jangan terpedaya dengan panggilan atau tawaran pihak ketiga yang mendakwa sebagai kakitangan AKPK atau menawarkan perkhidmatan dengan bayaran/caj tambahan.

\- Untuk sebarang maklumat tentang pengurusan kewangan termasuklah panduan dan pautan kepada semua perkhidmatan AKPK, anda juga boleh melayari laman media sosial rasmi AKPK, iaitu @*AKPKofficial* di *Facebook*, *Instagram*, *Twitter*, dan terbaharu, di *LinkedIn* dan *TikTok*. AKPK Sahabat Kewangan Anda.

# Bakat Si Cilik - Mewarna 4/2022




Sila isi butiran berikut:

Nama : ______________________

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ______________________

Alamat: ______________________

______________________

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ______________________

No. Telefon : (Rumah) __________ (Bimbit) : __________

Emel: ______________________

**Terma & Syarat Peraduan:**

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari 1 Oktober 2022 hingga 31 Disember 2022.
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 04-650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna 3/2022,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

Pertama: RM500
Kedua: RM300
Ketiga: RM250
Saguhati: 5 Pemenang